



Pelancongan Halal: Konsep dan Pengamalannya di Malaysia

NOOR AIN MOHD NOOR^{1, a}, NORANIZAH YUSUF^{2, b}, NUR ADILAH AMIRUDDIN^{3, c} AND NAZIRAH HAMDAN^{4, d}

¹ Universiti Teknologi MARA, Sarawak Branch, Malaysia

² Universiti Teknologi MARA, Sarawak Branch, Malaysia

³ Universiti Teknologi MARA, Sarawak Branch, Malaysia

⁴ Universiti Teknologi MARA, Sarawak Branch, Malaysia

^anoorain89@uitm.edu.my, ^bnoranizah977@uitm.edu.my,

^cadilah@uitm.edu.my & ^dnazirahhamdan@uitm.edu.my

Received: July 21, 2023

Accepted: September 07, 2023

Online Published: October 28, 2023

Abstrak

Pelancongan halal merupakan salah satu cabang pelancongan yang semakin dikenali di seluruh dunia. Ia merujuk kepada pelancongan yang memenuhi keperluan berasaskan kepercayaan seorang Muslim sebagai contoh, makanan halal, aktiviti-aktiviti yang tidak bercanggah dengan agama dan sebagainya. Malaysia merupakan salah sebuah negara yang semakin dikenali dengan pelancongan halal. Menurut Indeks pelancongan Muslim Global (GMTI), Malaysia mengekalkan kedudukan teratas sebagai destinasi pelancongan halal bagi pelancong muslim. Oleh itu, objektif kajian ini dilakukan untuk memahami konsep pelancongan halal serta pengaplikasiannya di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui kajian kepustakaan. Hasil kajian mendapati, Malaysia mengaplikasikan pelancongan halal melalui pelbagai platform seperti makanan halal, budaya yang unik serta ketersediaan fasiliti yang mesra muslim dan sebagainya.

Kata Kunci: Pelancongan Halal, Malaysia

Halal Tourism: Concept and Practices in Malaysia

Abstract

One area of tourism that is becoming more and more well-known worldwide is halal travel. This pertains to travel that satisfies a Muslim's religious requirements, such as providing halal cuisine and engaging in non-religious activities. Malaysia is one of the countries that is increasingly known for halal tourism. Malaysia continues to hold the top spot among Muslim visitors' halal travel destinations, according to the Global Muslim Tourism Index (GMTI). The objective of this study was to understand the concept of halal tourism and its application in Malaysia. This study uses a qualitative method through literature review. The study's findings indicate that Malaysia employs halal tourism via multiple channels, including halal cuisine, distinctive cultural practices and etc.

Keywords: Halal Tourism, Malaysia

1. Pengenalan

Sektor pelancongan merupakan salah satu sektor yang menjadi nadi penggerak kepada ekonomi sesebuah negara. Bagi membangunkan industri tersebut, banyak kawasan yang mempunyai keunikan semulajadi dibuka untuk tujuan pelancongan. (Jamaludin, 2009). Selepas dunia dilanda covid 19, sektor pelancongan dilihat terus berkembang. Menurut Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, Khairul Firdaus Akhbar Khan, Malaysia berjaya menarik seramai 10 juta pelancong dan menjana 28.2 billion pada tahun 2022 melalui rangka kerja pemulihan pelancongan. (Bernama, 2023). Menurut Hisyam (2022), sebagai sebuah negara yang mempunyai majoriti penduduk yang beragama Islam, keperluan bagi pelancong yang beragama Islam yang disediakan oleh Malaysia adalah lengkap yang meliputi perkhidmatan hospitaliti seperti penginapan, makanan halal serta kualiti perkhidmatan. Hotel-hotel juga dilihat memenuhi kriteria pelancongan mesra muslim dimana terdapatnya penyediaan fasiliti seperti ruangan solat, arah



qiblat dan penyediaan makanan dan minuman halal. Malaysia juga diiktiraf sebagai destinasi mesra muslim nombor satu dunia kerana mempunyai kemudahan yang baik serta layanan yang tiada tandingannya. Pelancong asing yakin bahawa keperluan asas mereka sebagai muslim dapat diperoleh dengan mudah dan dijaga dengan baik (Nor Hidayah & Saadan, 2019). Dalam Indeks pelancongan Muslim Global (GMTI) 2023, Malaysia sekali lagi mendahului negara lain dalam carta destinasi mesra muslim terbaik. Menteri pelancongan, seni dan budaya Malaysia berkata, pencapaian ini mengukuhkan lagi kedudukan dan penjenamaan Malaysia sebagai peneraju segmen pelancongan Islam serta pelancongan dan hospitaliti mesra muslim di peringkat antarabangsa dan serantau (Sinar harian, 2023) Dalam Islam, aktiviti pelancongan bukanlah satu aktiviti yang dilarang kerana ianya dianggap sebagai satu aktiviti yang dapat memberikan pedoman kepada masyarakat dalam meningkatkan ketaqwaannya kepada Allah S.W.T dan mengagumi kekuasaannya. Sebagaimana firman Allah dalam surah Al-Ankabut ayat 20

قُلْ سِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ بَدَأَ الْخَلْقَ ثُمَّ اللَّهُ يُنشِئُ النَّشْأَةَ الْآخِرَةَ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ۚ ٢٠

Katakanlah: "Mengembaralah kamu di muka bumi, serta lihatlah bagaimana Allah telah memulakan ciptaan makhluk-makhluk dari asal jadinya; kemudian Allah akan memulakan ciptaan itu semula (pada hari akhirat) dalam bentuk kejadian yang baharu. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

Melalui ayat diatas, dapat difahami bahawa Islam sangat menggalakkan umatnya untuk mengembara dan memahami serta menghargai keajaiban ciptaan Allah S.W.T (Laporan Tahunan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, 2013)

2. Metodologi Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji konsep pelancongan halal dan melihat pengaplikasiannya di Malaysia. Kajian ini menggunakan kajian kualitatif dimana data sekunder diperoleh dari sumber kajian-kajian lepas, kandungan-kandungan laman web, laporan-laporan kerajaan dan dokumen yang berkaitan dengan pelancongan halal. Perbincangan ini meliputi gambaran mengenai pelancongan halal, konsep pelancongan halal, pengaplikasiannya di Malaysia dan diakhiri dengan kesimpulan keseluruhan bagi perbincangan.

3. Hasil kajian dan perbincangan

Konsep pelancongan halal

Pelancongan halal atau dikenali juga sebagai pelancongan mesra muslim merupakan salah satu cabang dalam industri pelancongan dan ia membuka satu peluang baru dalam peningkatan ekonomi. Islam meletakkan panduan bagi menguruskan hidup manusia. Pelancongan yang merupakan salah satu segmen dalam ekonomi juga tidak terkecuali (M.Siddique et al, 2019). Terdapat pelbagai definisi mengenai pelancongan halal. Menurut Battour & Nazari (2015), pelancongan halal merupakan pelancongan yang dibenarkan menurut ajaran Islam untuk dipraktikkan oleh muslim dalam industri pelancongan. Definisi ini mengambilkira undang-undang shariah sebagai asas kepada produk dan perkhidmatan pelancongan seperti restoren halal, pakej perjalanan halal dan penginapan halal. Menurut Adnan & Abdul (2021) pula, pelancongan halal boleh dimaksudkan sebagai satu bentuk aktiviti yang dapat membantu komuniti muslim untuk melawat dan menikmati cuti dengan perkara yang tidak menyalahi hukum agama. Selain itu, ia juga boleh didefinisikan sebagai satu bentuk pelancongan yang memberi perhatian terhadap nilai-nilai Islam dengan menyediakan produk yang halal dalam perkhidmatan mereka (Muchamad Zaenuri, 2020)

Pelancongan halal selalu dikaitkan dengan pelancongan Islam kerana ia dianggap mempunyai maksud yang sama. Tetapi pelancongan halal tidak hanya terhad kepada Islam. Penting untuk difahami bahawa pelancongan halal tidak mengasingkan pelancong Islam dari aktiviti pelancongan konvensional atau mengecualikan pelancong bukan Islam dari destinasi tertentu. Pembangunan pelancongan halal bertujuan untuk memberi kemudahan yang diperlukan oleh pelancong Islam dimana mereka masih boleh mengerjakan ibadah walaupun semasa melancong. Terdapat enam perkara asas yang diperlukan oleh seorang muslim dalam kehidupan seharian termasuklah semasa melakukan aktiviti pelancongan. Antaranya keperluan untuk bersuci dengan air, fasiliti untuk beribadah, makanan halal, aktiviti pelancongan yang tidak bercanggah dengan nilai Islam, servis di bulan Ramadhan dan fasiliti rekreasi yang privasi. (M.Febian Syah Putra, 2021)

Pengaplikasian pelancongan halal di Malaysia

Menurut Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, Dato Sri Tiong King Sing, Malaysia berjaya mengekalkan kedudukan atas sebagai destinasi pelancongan halal bagi pelancong muslim dan juga berjaya mengekalkan kedudukan teratas dalam carta destinasi mesra Muslim terbaik pada tahun 2023. Terdapat pelbagai elemen yang diterapkan bagi merencanakan pelancongan halal di Malaysia. Antaranya kemudahan ruang beribadah, senibina yang bercirikan Islam,



(Irwan, 2022), pameran dan muzium Islam (Islamic Tourism Centre (2023) industri makanan halal dan tradisional (Norhidayah, 2019) serta hotel mesra muslim (Kosmo, 2021)

Kemudahan ruang dan tempat beribadah

Ruang ibadah seperti masjid menjadi salah satu tarikan bagi pelancong. Menurut Azaruddin et al (2021) Pelancong di Malaysia menjadikan masjid sebagai salah satu destinasi untuk dilawati. Sebagai contoh, Masjid Negara meraikan pelancong dari dalam dan luar negara selama 50 tahun. Islamic Tourism Centre (ITC) juga telah menjadikan 80 buah masjid di Malaysia sebagai destinasi pelancongan dalam ruangan “*Mosque Trail In Malaysia*”. (Islamic Tourism Centre, 2023). Antara tarikan yang terdapat di masjid ini adalah memiliki seni bina yang baik sebagai contoh masjid Tanjung Kling di Melaka yang mempunyai pengaruh Jawa dalam pembinaannya, Masjid kayu seberang Jerneh yang menonjolkan ciri-ciri tradisional melayu dan Masjid terapung di Terengganu. Selain itu, terdapat masjid yang menyediakan kemudahan khusus kepada para pelancong. Sebagai contoh menyediakan bilik air yang bersih dan selesa, penunjuk arah yang terdiri daripada pelbagai bahasa, kiosk yang menjual cenderamata, makanan dan minuman ringan, kaunter informasi yang disediakan bagi tujuan penyampaian maklumat serta bahan-bahan terbitan dan terdapat juga masjid yang menyediakan penginapan kepada pelancong seperti kemudahan yang terdapat di masjid wilayah persekutuan (Mohd Hilmee Omar, 2018). Pelancong asing juga boleh melihat keunikan masyarakat Malaysia memeriahkan masjid semasa bulan Ramadhan dan Syawal serta boleh menikmati suasana di bazar ramadhan. (Nor Hidayah & Saadan, 2019)

Senibina yang unik dan pameran yang bercirikan Islam

Malaysia adalah sebuah negara kolonial dan Alam Melayu satu ketika dulu pernah berinteraksi dengan pelbagai bangsa asing seperti China, India, Parsi, Arab Dan Eropah (Rahimin Affandi, 2017). Pengaruh ini memberikan banyak kesan antaranya terhadap senibina di Malaysia. Terdapat pelbagai senibina yang unik dan bercirikan pelbagai konsep di Malaysia dan salah satunya adalah senibina masjid. Selain itu, terdapat juga pameran-pameran yang bercirikan Islam di Malaysia seperti Muzium Islam Melaka, Muzium Islam Kelantan, Muzium Kesenian Islam Malaysia, Muzium Warisan Islam Sarawak dan Galeri Haji Pulau Pinang (Islamic Tourism Centre (2023). Terdapat pelbagai pameran yang dipamerkan oleh muzium seperti Muzium Kesenian Islam Malaysia mempamerkan manuskrip al-quran, galeri senibina Islam, galeri seramik dan sebagainya (Muzium Kesenian Islam Malaysia, 2023). Selain itu, bangunan muzium itu sendiri juga dapat memberikan daya tarikan sebagai contoh Galeri Haji di Pulau Pinang di mana daya tarikannya adalah bangunan galeri haji yang pernah menjadi pejabat urusan tiket kapal haji pada tahun 1900-an (Yayasan Islam Pulau Piang, 2023)

Industri makanan halal dan tradisional

Malaysia merupakan perintis dalam memperkenalkan standard halal yang komprehensif (Zahra Fatima, 2022). Di Malaysia, pelancong asing boleh mendapatkan makanan halal dimana-mana sahaja dan boleh dikatakan kesemua restoran makanan segera berjenama antarabangsa mempunyai pensijilan halal. Sijil halal Malaysia merupakan sijil yang berprestij dan diperakui di seluruh dunia dan perkara ini memainkan peranan penting kerana manfaat seperti ini sukar diperoleh di negara lain. Selain itu, Malaysia juga kaya dengan makanan tradisional yang unik dan diwarisi sejak turun temurun. Kepelbagaian kaum yang ada di Malaysia juga menjadikan makanan lebih pelbagai. 14 buah negeri yang ada dan perbezaan gaya hidup di Malaysia mencambahkan lagi pelbagai jenis masakan dan ia merupakan satu keindahan yang ada di Malaysia (Nor Hidayah & Saadan, 2019) dan percampuran ini membolehkan pelancong mencuba pelbagai jenis makanan samada berkonsepkan makanan melayu, cina, India dan lain-lain (Siti Suriati, 2018). Selain itu terdapat juga festival-festival makanan di Malaysia seperti Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MiHAS) (Adura Adnan, 2011) dan Ekspo Halal Malaysia yang dapat menjadi salah satu platform tarikan pelancong ke negara ini. Festival ni bukan sahaja dapat mempromosikan produk dan perkhidmatan halal tetapi dilihat juga sebagai satu inisiatif pelaburan antara Malaysia dan negara luar. (Siaran media SMECORP, 2019)

Hotel Mesra Muslim

Hotel mesra muslim merupakan satu segmen penting dalam memenuhi keperluan pelancong muslim (Latifah Mustafa, 2022). Sehingga kini, tiada satu tanda aras yang boleh dijadikan sebagai tanda aras pelancongan muslim termasuklah hotel mesra muslim. Di Malaysia, Jabatan standard telah memperkenalkan MS2610 : 2015 *Muslim Friendly Hospitality Services – requirement* sebagai penanda aras. Tripez Travel iaitu sebuah agensi swasta di Malaysia pula memperkenalkan Salam Standard dan ia mendapat pengiktirafan oleh kerajaan Malaysia menerusi Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC) dan Islamic Tourism Centre dan Crescentrating Pte Ltd yang



merupakan agensi swasta di Singapura juga menawarkan khidmat penarafan dan akreditasi halal - mesra pelancongan. Ketiga-tiga agensi ini menawarkan standard hotel mesra muslim yang berbeza (M.Zaini Yahaya, 2020)

Hotel patuh syariah merupakan sebuah hotel yang menyediakan perkhidmatan dan urus niaga yang mematuhi kehendak dan prinsip-prinsip syariah. Ia memiliki objektif perniagaan tersendiri yang selari dengan tuntutan syarak. Dari segi operasinya pula, hotel patuh syariah sering dikaitkan dengan menyediakan makanan dan minuman halal, mempunyai reka bentuk seni bina Islamik, susun atur bilik, fasiliti mesra ibadah, urus niaga perniagaan menggunakan perbankan Islamik, penampilan pekerja yang menutup aurat, layanan dan persekitaran yang kondusif dan selamat. Sebagai sebuah negara yang mempunyai penduduk majoriti Islam, kemudahan-kemudahan asas yang mesra muslim mudah untuk didapati. Ada antara hotel di Malaysia mengisytiharkan penarafan hotel mereka sebagai patuh syariah. Namun ada juga hotel yang tidak menyatakan secara terbuka tetapi masih menerapkan unsur-unsur syariah dalam operasi mereka. Sebagai contoh rangkaian hotel de Palma yang terletak di Ampang, Shah Alam dan Kuala Selangor menerapkan elemen patuh syariah dengan kemudahan bilik yang selesa, restoren halal dan juga kemudahan surau dan imam sepenuh masa yang memimpin solat berjemaah (Nor Azizah Tukirana & Nor 'Azzah Kamri 2018) terdapat juga hotel-hotel yang disenaraikan sebagai *muslim friendly* hotel antaranya Mardhiyyah hotel & suites, Adya Hotel Langkawi, Movenpick Hotel & Convention centre KLIA dan Raia Hotel (Islamic Tourism Centre, 2023)

4. Kesimpulan

Sebagai sebuah negara yang mempunyai majoriti penduduk beragama Islam, Malaysia dilihat sebagai sebuah negara yang menjadi pilihan pelancong yang menginginkan pelancongan yang selaras dengan syariah. Kedudukan Malaysia sebagai destinasi pilihan utama pengunjung muslim perlu dipertahankan dan ditambah baik dari masa ke semasa. Keadaan ini berikutan kerana pelancongan halal memberikan impak yang positif samada kepada pelancong itu sendiri, negara yang dilawati sehinggalah kepada peningkatan ekonomi negara. Pasaran pelancongan halal juga akan menjadi satu pasaran yang memberikan sumbangan terbesar dalam sektor pelancongan. Elemen dalam pelancongan halal seperti makanan halal, kemudahan infrastruktur dan sebagainya membawa Malaysia satu langkah ke hadapan dalam pasaran pelancongan halal. Tarikan-tarikan pelancong yang sedia ada di Malaysia memberikan keselesaan kepada pelancong untuk melancong ke Malaysia. Tempat-tempat tarikan ini boleh ditambah baik dan ditingkatkan sebagai contoh penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan awam yang lain seperti pengangkutan di kawasan luar bandar kerana luar bandar juga tidak kurang daya tarikannya.

References

- Adnan, N. 'Atiqah, & Abdul, A. H. (2021). *The development of halal tourism industry for the muslim community in langkawi, kedah*. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 11(11), 467–474.
- Adura Adnan (2011) *Pasaran antarabangsa produk halal*, dewan ekonomi
https://emuamalat.islam.gov.my/images/pdf-bahan-ilmiah/transformasi_industri_halal.pdf
- Bernama (2023) Malaysia tarik 10 juta pelancong asing, jana RM28.2 bilion pada 2022
<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-tarik-10-juta-pelancong-asing-jana-rm282-bilion-pada-2022-411881>
- Galeri Haji Pulau Pinang, (2023) Yayasan Islam Pulau Pinang <https://yipp.gov.my/galeri-haji-pulau-pinang/>
- Irwan M. Ali (2022), Kemudahan lestari lonjak konsep pelancongan, hospitaliti mesra muslim
<https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2022/02/922756/kemudahan-lestari-lonjak-konsep-pelancongan-hospitaliti-mesra>
- Hisham Sabri, Latifah Mustafa, Khairil Faizal Khairi, Mohamad Yazis Ali Basah, Junaidah Abu Seman & Nazratul Aina Mohamad Anwar (2022) *Kriteria penginapan dalam perkhidmatan hospitaliti mesra muslim (phmm) bagi sektor pelancongan di malaysia*, Al Qanadir International Journal Of Islamic Studies, Vol. 26. No. 1
- Jamaluddin Md Jahi (2009) *Pembangunan pelancongan dan impaknya terhadap persekitaran fizikal pinggir pantai* Malaysian Journal of Environmental Management 10(2) (2009): 71-88
- Kosmo, (2021), *Hotel mesra Muslim berpotensi untuk diteroka*, <https://www.kosmo.com.my/2021/02/16/hotel-mesra-muslim-berpotensi-untuk-diteroka>
- Latifah Mustafa, Hisham Sabri and Junaidah Abu Seman, (2022) *Pendekatan dakwah ke arah memperkasakan pelancongan islam di malaysia*, Volume: 7 Issues: 45 [June, 2022] pp. 18 - 33] Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
- Laporan Tahunan, (2013) Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, <https://www.motac.gov.my/ar/ar13/files/basic-html/page370.html>
- M. Febtian Syah Putra and Karina Pradinie Tucunan, (2022) *The concept of halal tourism and the fulfillment of muslim tourist needs in halal tourism*, Halal Research 1 (2) (2021) 56-62



- Mohamed Battour & Mohd Nazari Ismail (2015), Halal tourism: concepts, practises, challenges and future, Tourism Management Perspective
- Mohammad Zaini Yahaya , Muhammad Adib Samsudin and Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, (2020) *Analisis standard hotel mesra muslim di malaysia berdasarkan perspektif maqasid syariah international Journal of Islamic Thought*, Vol. 18: (Dec.) 2020
- Mohd Hilmee bin Umar, Muhamad Faisal Bin Ashaari (2018) *Pelaksanaan dan Pengurusan Masjid Pelancongan di Malaysia* E-Book of Masjid, Zakat and Waqf Management 2018 (IMAF2018)
- Muchamad Zaenuri, Yusuf A. Hasan, Sri Handari Wahyuningsih, Muhammad Eko Atmojo and Muhammad Iqbal (2020) *Halal tourism concepts and policies: case in west nusa tenggara* Advances in Social Science, Education and Humanities Research, volume 518
- Muzium Kesenian Islam Malaysia, (2023) <https://iamm.org.my/research>
- Norhidayah Pauzi and Sa'adan Man (2019), *Cabaran dan elemen kearifan tempatan dalam pensijilan halal malaysia*, Jurnal Fiqh, Vol. 16 No. 1 (2019) 165-190
- Nor Azizah Tukirana & Nor 'Azzah Kamri. 2018. *Analisis pemakaian standard untuk pengurusan hotel patuh syariah di Malaysia*. Online Journal of Research in Islamic Studies 5(2): 61-79.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim Siti Maimunah Binti Kahal, (2017) *Ilmu kolonial dan islamisasi alam melayu: analisis kritikal*, Sejarah, No. 26, Bil. 1, Jun 2017, hlm. 33-49
- Zahrah Fatimah Ariff Irshad, Noorul Huda Sahari and Anis Husna (2022) *The concept of muslim friendly tourism and its implementation in malaysia*, Jurnal Of Fatwa And Management Research Special Edition | Nov 2022 | Vol 27 | No. 2-Se
- Siatan media (2019) Ekspo halal malaysia 2019 landasan usahawan malaysia ke olimpik 2020, SMECORP
<http://www.smecorp.gov.my/images/press-release/2019/PR8Jan.pdf>
- Sinar harian (2023) Malaysia destinasi mesra Muslim terbaik OIC
<https://www.sinarharian.com.my/article/261373/berita/nasional/malaysia-destinasi-mesra-muslim-terbaik-oic>